

## DESTINASI BERLIBUR

# Kekalkan momentum Malaysia peneraju pelancongan Muslim

Malaysia menjadi destinasi pilihan utama global bagi pelancongan Muslim apabila mendapat kedudukan teratas Indeks Pelancongan Muslim Global (GMTI) 2015 yang disiarkan 4 Mac lalu. Kajian dijalankan oleh agensi yang terbabit dengan pelancongan halal dunia, Crescentrating berpusat di Singapura bersama MasterCard itu menunjukkan Malaysia menduduki tempat pertama daripada negara Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) dan semua negara di dunia bagi pelancongan Muslim dengan skor 83.8 peratus, diikuti Turki (73.8 peratus), Emiriah Arab Bersatu (72.1 peratus), Arab Saudi (71.3 peratus), dan Qatar (68.2 peratus).

Antara kriteria dinilai ialah destinasi pelancongan mesra keluarga, keselamatan, perkhidmatan mesra Muslim dan kemudahan di destinasi serta kesedaran halal. Hasil kajian membuktikan Malaysia memberi layanan terbaik kepada pelancong khususnya pelancong Muslim. Ketua Eksekutif Crescentrating, Fazal Bahardeen, menyatakan Malaysia kekal pilihan utama kerana ia adalah destinasi percutian hebat untuk keluarga sambil menawarkan persekitaran mesra Muslim.

Penawaran destinasi pelancongan terbaik serta penyediaan fasiliti dan infrastruktur mesra Muslim menjadi antara tarikan utama mengapa lebih ramai pelancong Muslim khususnya dari Asia Barat memilih Malaysia.

Ini termasuk kemudahan mendapatkan makanan atau produk halal dan tempat bersolat di lapangan terbang, pusat membeli-belah, hotel penginapan serta destinasi tarikan pelancong. Selain itu, Malaysia juga terkenal sebagai hab kewangan Islam dunia.

## Lokasi sejarah Islam

Dari aspek tarikan pelancong yang berkait rapat dengan warisan dan kesenian Islam, Malaysia menawarkan banyak lokasi menarik berkait rapat dengan sejarah perkembangan dan penyebaran agama Islam di negara ini seawal zaman Kesultanan Melayu Melaka.

Pelancong Muslim pastinya tertarik untuk melihat keindahan seni bina Islam di negara ini antaranya keunikan seni bina Masjid Sultan Abu Bakar, Johor Bahru yang kerap menerima kedatangan pelancong kerana seni binanya yang jelas dipengaruhi seni bina Victoria Inggeris, keindahan kubah emas di Masjid Ubudiyah Kuala Kangsar yang siap dibina pada tahun 1917, serta nilai sejarah Masjid Kampung Laut, Kota Bharu yang dipercayai berusia lebih 300 tahun dan diiktiraf sebagai masjid tertua di Malaysia dan antara masjid bersejarah di Asia Tenggara.

Selain itu, pelancong dapat lihat artifak sejarah Islam di Malaysia berusia ratusan tahun seperti Batu Bersurat Terengganu dianggarkan berusia 700 tahun yang dimasukkan ke dalam senarai

*Memory of The World Programme* oleh UNESCO pada tahun 2009, menjadikannya pengiktirafan warisan keempat kepada Malaysia selepas *Hikayat Hang Tuah*, *Sejarah Melayu*, dan surat menyurat Sultan Abdul Hamid pada tahun 2001.

Semua tarikan berunsur kesenian Islam ini memberi nilai tambah kepada Malaysia berkaitan dengan kesenian dan kebudayaan Islam.

Kerajaan juga giat melaksanakan pelbagai perkara dalam menjadikan Malaysia sebagai pusat pelancongan pilihan utama pelancong Muslim. Pada 16 Mac 2009, kerajaan melancarkan penubuhan Pusat Pelancongan Islam (ITC) di Auditorium Masjid Al Azim, Melaka bagi membantu Kementerian Pelancongan dalam menjalankan penyelidikan pelancongan strategik, pasaran serta menyediakan perkhidmatan berkaitan pelancongan Islam dan ITC juga berperanan dalam memastikan Malaysia menjadi peneraju dan berada di barisan hadapan dalam sektor pelancongan Islam.

Begitu juga dengan penganjuran Pameran Halal Antarabangsa (MIHAS) sempena World Halal

## FORUM

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel: **bhforum@bh.com.my**



Masjid Kampung Laut di Kelantan **antara masjid tertua** yang menjadi tarikan pelancong.

[GAMBAR HIASAN]

Summit pada 30 Mac sehingga 1 April 2015 oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) yang akan menarik lebih ramai pelancong dan pelabur melawat Malaysia untuk melihat peranan dan kejayaan Malaysia dalam industri halal dunia.

## Tarik minat pelabur asing

Persidangan antarabangsa itu bukan saja menarik minat pelancong Muslim malah menarik minat pelabur yang ingin melabur dalam pasaran halal dunia yang

semakin berkembang.

Jadi, Malaysia perlu sentiasa meningkatkan mutu dan kualiti sama ada dalam bentuk produk mahupun perkhidmatan dalam memperkasakan pelancongan mesra Muslim selepas diiktiraf destinasi pilihan utama pelancong Muslim antarabangsa.

Tidak mustahil jika suatu hari nanti Malaysia bukan saja menjadi pilihan utama pelancong Muslim, tetapi juga mampu menjadi destinasi pelancongan utama dunia.

**Muhammad Wa'iz Md Norman**,  
Universiti Sains Islam Malaysia.